

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH
BIN MOHD NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2020 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha Kementerian untuk membantu pemilik-pemilik rumah yang tidak mampu membayar ansuran bulanan kepada pihak bank akibat penamatan moratorium oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memahami dan mengambil maklum berhubung isu pemilik rumah yang tidak mampu membayar ansuran bulanan disebabkan oleh kehilangan punca pendapatan akibat
2. yang memerlukan bantuan hanya perlu pandemik COVID-19.

3. Kerajaan Persekutuan akan terus memberikan bantuan meskipun moratorium secara keseluruhan telah berakhir. Dengan peralihan kepada bantuan bayaran balik pinjaman secara bersasar pada 1 Oktober 2020, bank-bank terus menawarkan pelanjutan moratorium dan bentuk fleksibiliti bayaran balik pinjaman lain kepada mereka yang terjejas akibat COVID-19. Bantuan ini disediakan kepada mereka yang telah kehilangan pekerjaan atau pendapatan mereka terjejas, sama ada individu, isi rumah atau Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) sepanjang tahun 2020 sehingga tahun 2021.

4. Selain itu, ekoran daripada gelombang ketiga COVID-19 baru-baru ini, Kerajaan telah mengumumkan dalam Belanjawan 2021 bahawa bantuan bayaran balik pinjaman bersasar akan terus dilanjutkan kepada golongan B40 yang merupakan penerima Bantuan Sara Hidup/ Bantuan Prihatin Rakyat dan perusahaan mikro dengan pinjaman berjumlah sehingga RM150,000. Peminjam boleh menangguhkan bayaran balik pinjaman selama tiga bulan atau mengurangkan bayaran ansuran bulanan sebanyak 50% untuk 6 bulan bermula Disember 2020. Kelulusan diberikan secara automatik setelah mereka menyatakan pilihan mereka kepada bank. Peminjam memaklumkan kepada bank masing-masing melalui pelbagai saluran mudah yang telah disediakan seperti perbankan internet, secara dalam talian atau menerusi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

5. Setakat ini, sekitar 650,000 peminjam telah memohon bantuan dan kira-kira 98% permohonan telah diluluskan. Untuk makluman selanjutnya, sebanyak 40% daripada peminjam yang memohon pelanjutan moratorium manakala 60% memilih untuk menyambung semula bayaran balik pinjaman tetapi dengan kadar yang lebih rendah. Bagi peminjam yang meneruskan bayaran balik pinjaman, kos pinjaman keseluruhan akan menjadi lebih rendah berbanding jika mereka menangguhkan bayaran balik pinjaman. Menurut bank-bank, sekitar 85% daripada peminjam telah menyambung semula bayaran balik pinjaman tanpa apa-apa bantuan pada bulan Oktober.

6. Bagi memastikan bantuan dapat diberikan dengan segera kepada mereka yang memerlukan, proses permohonan telah dipermudahkan dan diringkaskan. Pada umumnya, bank-bank hanya menghendaki peminjam mengemukakan penyata bank terkini atau mengisyiharkan bahawa pendapatan mereka telah terjejas akibat sekatan pergerakan. Bagi penerima Bantuan Prihatin Nasional M40 yang memohon pengurangan ansuran mereka, bank-bank juga telah bersetuju untuk menerima perisytiharan kendiri pengurangan pendapatan yang dialami akibat pandemik.

Sekian, terima kasih.